

Wanita dipacu bersaing peringkat global

📌 Kementerian rangka pelbagai inisiatif ke arah perkasakan keupayaan sejajar menuju Industri 4.0

Oleh **Norhafzan Jaafar**
dan **Syalikha Sazili**
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Tahun Memperkasakan Wanita 2018 (TMW18) akan melaksanakan pelbagai strategi untuk pembangunan kerjaya, ekonomi, keusahawanan dan kemahiran supaya wanita berdaya saing pada peringkat tempatan serta global.

Sehubungan itu, semua program lebih menfokus terhadap aktiviti yang boleh dinikmati wanita sejajar dengan perubahan ke arah Revolusi Industri 4.0.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Datuk Yatimah Sarjiman, berkata pelbagai inisiatif dirangka jabatan itu adalah ke arah memacu wanita menerima arus perubahan daripada industri lama kepada IR4.0.

"Bagaimanapun, teras utama dalam Dasar Wanita Negara masih diberi penekanan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan TMW18 mencapai objektif.

"Kita amat mengharapkan sokongan dan pandangan pelbagai go-

longan saras dalam membentuk strategi itu, sekali gus memberi peluang kepada wanita untuk sama terdedah kepada pelbagai isu, peluang dan cabaran.

"Wanita mampu bersaing ke peringkat lebih jauh melangkaui sempadan," katanya yang dihubungi BH.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Logo dan Jenama Tahun TMW18 dengan slogan Wanita Gemilang.

Dalam ucapan perasmian, Najib berharap program dirancang termasuk Malaysian Women Made, Impact for Humanity dan Industri 4.0 dapat dilaksanakan dengan jayanya ke arah memastikan kejayaan TMW18.

Platform tingkat kreativiti

Mengulas mengenai program itu, Yatimah berkata, Malaysia Women Made adalah platform untuk wanita meningkatkan kreativiti dengan menyuarakan idea cemerlang mereka.

"Ia bertujuan menggalakkan wanita mencipta dan mengembangkan produk atau perkhidmatan secara inovatif bagi meluaskan pasaran mereka.

Yatimah berkata, Industri 4.0 lebih



Wanita mampu bersaing ke peringkat lebih jauh melangkaui sempadan"

Yatimah Sarjiman,
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan
Wanita (JPW)

pula menumpukan pada pembabitan wanita dalam pembangunan kemahiran, pendidikan digital dan teknologi, penjenamaan serta pengetahuan untuk mendidik mereka bagi memberi sumbangan dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, Presiden Kelab Wanita Ikon Malaysia, Datuk Normaziah Sheikh Mohamed, berkata usaha berkenaan mampu melahirkan lebih ramai ikon wanita daripada pelbagai latar belakang secara menyeluruh.

Katanya, jika sebelum ini pencarian ikon wanita hanya tertumpu di bandar, namun tahun ini ia akan membabitkan wanita di seluruh negara.

"Pencarian ini dianggap lebih menyeluruh, supaya tiada wanita yang tercicir dalam usaha kita memperkasakan golongan itu.

"Saya berpendapat perkara utama bagi melahirkan wanita yang berdaya saing adalah persiapan mental yang lebih fokus dan lebih rasional tanpa dipengaruhi emosi.

"Wanita perlu bersatu dalam mengejar impian bersama dan menyingkirkan perasaan iri hati antara satu sama lain," katanya.